

## **Garapan Identiti Visual Dalam Seni Lukis Sarawak**

Rahah Haji Hasan, Faridah Sahari, Zarina Mohd. Shah & Anna Durin

### **Abstrak**

Kewujudan pergerakan Persatuan Pelukis Sarawak bermula tahun 1946 oleh *Kuching Art Club* banyak memberi peluang kepada pengkarya seni Sarawak terutamanya di Kuching untuk member gambaran tersendiri interpretasi mereka terhadap bumi Sarawak yang indah dengan kepelbagaian flora dan fauna serta kebudayannya yang unik melalui medium yang baru . Apa yang dipersembahkan bukan sahaja mempersona orang awam dari golongan pekerja biasa yang jauh berbeza cara hidup dari orang kulit putih dan golongan bangsawan tempatan yang mendominasi masyarakat kelas atasan di Kuching, malah mampu mencuri perhatian orang luar, contohnya dari Singapura. Maka bermulalah pencarian atau lebih tepat lagi pengarapan identiti tempatan dalam perkembangan seni lukis tempatan yang belajar dari merangkak hingga berlari dalam arena seni lukis, sehabat *Wednesday Art Group* yang bermula di semenanjung Tanah Melayu. Kertas kerja ini secara terperinci akan mengupas topik ini bermula dengan bagaimana penggunaan ciri ciri visual yang digunakan oleh pengkarya tempatan dan seterusnya kaitannya dengan pengalaman visual yang membawa kepada pengupasan hasil hasil karya yang wujud dari zaman selapas Perang Dunia ke-Dua hinggalah era selepas kemerdekaan Sarawak dan Sabah ke dalam Malaysia. Hasil dari kajian diskriptif ini akan memperlihatkan apakah pilihan elemen visual yang diaplikasi dan adakah gambaran ini merupakan phenomena dari pengalaman pribadi pengkarya terhasil dari kehendak persekitaran yang mempengaruhi kehidupan sosial dan politik pada masa tersebut.

Kata kunci: Seni Catan, Seni Visual, Seni Kraf, Sarawak, Borneo, *Kuching Art Club*